

Majlis Tazwid Maharatul Jawdah Adduwali Cetus Kecintaan Terhadap Bahasa Arab





Labuan, 19 Julai 2025 – Dewan Kompleks Darul Kifayah bergema dengan semangat ilmu dan kecintaan terhadap bahasa Arab apabila Majlis Tazwid Maharatul Jawdah Adduwali diadakan dengan jayanya.

Program yang diselaraskan oleh Tuan Hj Hisham Abd Aziz dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan ini merupakan inisiatif perintis di bawah *National Professional Qualification for Educational Leaders (NPQEL)* yang mengangkat misi pengukuhan penguasaan bahasa Arab dalam kalangan murid kelas aliran agama (KAA) dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) di Wilayah Persekutuan Labuan.

Majlis yang menghimpunkan pelajar Kelas Aliran Agama dari SMK Mutiara, SMK Rancia-Rancia serta SMA MAIWPL ini telah menekankan pelbagai objektif antaranya menyemai minat terhadap bahasa Arab sebagai bahasa al-Quran.

Perkongsian daripada Ustaz Ahmad Salehuddin Shafie

Pegawai Atase Pendidikan Malaysia di Mesir berjaya membuka minda murid untuk melanjutkan pengajian ke Timur Tengah dan menyuntik semangat untuk cemerlang dalam subjek Bahasa Arab dalam Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) nanti.



Majlis tersebut diserikan dengan kalimah mufti daripada sahibus samahah Dr Nik Azlan Nik Man Timbalan Mufti Wilayah Persekutuan.

Beliau menekankan bahawa ilmu yang dipelajari mestilah disertai dengan adab, sebagaimana pesanan Imam Malik:
“Pelajarilah adab sebelum kamu belajar ilmu.”

Majlis penutupan telah dirasmikan oleh Encik Yahya Ahmad Puteh, Timbalan Pengarah Pendidikan Sektor Pembelajaran merangkap Menjalankan Tugas Pengarah Pendidikan Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan.

Dalam ucapan perasmian, Encik Yahya menegaskan bahawa pembelajaran bahasa Arab bukan sekadar memenuhi keperluan akademik, malah merupakan ibadah yang tinggi nilainya.

Beliau turut mengingatkan murid-murid bahawa penguasaan bahasa Arab ini akan membuka pelbagai peluang kerjaya dalam bidang pendidikan, penterjemahan, diplomasi, perdagangan dan pelancongan.

Majlis Tazwid Maharatul Jawdah Adduwali diharap menjadi titik mula kepada murid-murid untuk terus berusaha menguasai bahasa Arab, memperkuuh akhlak serta mencorak masa depan dengan ilmu yang bermanfaat.

Turut hadir dalam majlis ialah Ustaz Abdul Fattah Abdul Hafiz, Pengetua Darul Kifayah Labuan; Ustazah Kamariah Salim, Ketua Penolong Pengarah Sektor Pendidikan Islam JPWPL; Ustazah Siti Aminah Zakaria, Pengetua SMA MAIWPL; Ustaz Wan Azman Wan Awang, Pengetua SMK Rancha-Rancha, ustaz ustazah dan guru daripada tiga buah sekolah tersebut.





